



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN  
PERTANIAN MALAYSIA**  
*Malaysian Agricultural Research and Development  
Institute*

Pusat Komunikasi Korporat  
Ibu Pejabat MARDI  
Persiaran MARDI-UPM  
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA



Tel: 03-8953 7200  
Faks: 03-8953 7220  
Laman Web:  
[www.mardi.gov.my](http://www.mardi.gov.my)

## Siaran Media

### Penyerahan Mesin Kepada Peserta Projek Rezeki Tani dan Anak Pokok Kepada Peserta Perintis di Negeri Melaka

MELAKA, 7 November 2021 - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada hari telah mengadakan Majlis Penyerahan Mesin kepada Peserta Projek Rezeki Tani dan Anak Pokok kepada Peserta Projek Perintis masing-masing di Pekan Sg. Rambai dan Jasin Melaka. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

Secara umumnya, Program Rezeki Tani merupakan Projek Azam Tani yang telah dijenamakan semula pada tahun 2019 di mana ia merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang diselaraskan pelaksanaannya oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Objektif Program Rezeki Tani ialah membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui pemberian bantuan projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran / pemprosesan / pengedaran / pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan, mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing peserta melalui latihan-latihan disediakan dan mengenal pasti peserta-peserta yang berpotensi untuk dinaikkan ke tahap yang lebih tinggi.

Projek Perintis MARDI merupakan pemindahan teknologi melalui pengukuhan jalinan kerjasama antara agensi pengembangan dan industri. Ia bermula dari tahun 2022 hingga 2025. Pemindahan teknologi yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya melalui 10 projek perintis setahun. Peserta-peserta yang terpilih perlu berdaftar sebagai peserta di bawah MARDI melalui Pejabat MARDI Negeri dan mendapat



pengesahan di peringkat negeri. Pada majlis ini, En. Abdul Ghafar bin Abdullah, peserta Projek Rezeki Tani, Pemprosesan Cendol dipilih sebagai penerima mesin bagi tahun 2021. Manakala 5 orang peserta Projek Perantis pula akan menerima anak Pokok Durian MDUR 88.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI, YBrs. Encik Nik Adli bin Nik Muhammad, Pengarah MARDI Negeri Melaka, Barisan Pengurusan Kanan MARDI, kakitangan MARDI Melaka serta semua yang terlibat dalam majlis tersebut.

---

### **Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)**

Akta MARDI 1969 telah membawa kepada penubuhan MARDI pada 28 Oktober 1969. Sepanjang lebih 50 tahun penubuhannya, projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dirancang dan dilaksanakan oleh MARDI telah menjana pelbagai penemuan teknologi yang memberi manfaat kepada sektor pertanian negara. Produk R&D MARDI telah terbukti mampu merealisasikan agenda utama negara dalam mentransformasikan sektor pertanian ke arah ekonomi lebih maju pada kini dan masa hadapan.

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Dr. Mohd Syaifudin bin Abdul Rahman  
013-930 8432 | [saifudin@mardi.gov.my](mailto:saifudin@mardi.gov.my)

Abdul Rahman bin Abdul Razak  
019-248 0204 | [arar@mardi.gov.my](mailto:arar@mardi.gov.my)

